

**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ...
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TAHUN 2025**

GEOGRAFI**2280/1****Kertas 1****Ogos 2025****1¼ jam****Satu jam lima belas minit****JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

- 1 *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
- 2 *Jawab **semua** soalan.*
- 3 *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**.
Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan OMR yang disediakan.*
- 4 *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat.
Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
- 5 *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Nama :

Tingkatan :

Disediakan oleh,

**JOIN TELEGRAM
@exercise_students
for more tips spm 2025 !**

Disahkan oleh,

.....
(EN/PN.....)

GURU PENTADBIR SOALAN

SMK ...

Tarikh: 08.08.2025

.....
(EN/PN.....)


GKMP SAINS KEMASYARAKATAN

SMK ...

Tarikh: 08.08.2025

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

1. Rajah 1 menunjukkan lapisan struktur bumi. Lapisan yang manakah menampung hidupan di bumi?



Rajah 1

2. Apakah proses pergerakan plat tektonik yang dapat dikaitkan dengan maklumat di bawah?

- Jurang Peru-Chile
- Kepulauan Jepun

- A Pencapahan plat lautan dan plat lautan.
 B Pencapahan plat benua dan plat benua.
 C Pertembungan plat lautan dengan plat lautan.
 D Pertembungan plat benua dengan plat benua.
3. Apakah proses yang mengubah batuan enapan kepada batuan metamorfosis?
- A Luluhawa dan hakisan.
 B Tekanan dan haba tinggi.
 C Pemadatan dan penyimenan.
 D Penggondolan dan pemendapan.
4. Apakah hubungan antara kuartzit dan proses pembentukannya?
- A Kuartzit terbentuk melalui penyejukan lava.
 B Kuartzit terbentuk melalui pemejalan magma.
 C Kuartzit terbentuk melalui pemendapan bahan.
 D Kuartzit terbentuk melalui tekanan dan suhu tinggi.

[Lihat halaman sebelah]



Foto 1

5. Haiwan seperti dalam Foto 1 di atas dapat dikaitkan dengan...
- A luluh hawa kimia.
 - B luluh hawa fizikal.
 - C luluh hawa biologi.
 - D luluh hawa mekanikal.
6. Seorang pelajar sedang mengkaji kawasan tropika lembap dan mendapati terdapat tanah liat putih yang digunakan dalam industri seramik. Berdasarkan pemerhatian ini, apakah proses yang berlaku di kawasan tersebut?
- A Proses luluhawa kimia menghasilkan kaolin.
 - B Proses luluhawa kimia menghasilkan gurun batu.
 - C Proses luluhawa kimia menghasilkan tors dan bornhard.
 - D Proses luluhawa kimia menghasilkan mendapan talus di cerun gunung.
7. Maklumat di bawah adalah tentang pergerakan jisim.

- Hujan lebat
- Air bertakung di atas lapisan tanah
- Kadar pergerakan sangat laju

Apakah jenis pergerakan tersebut?

- A Aliran lumpur
- B Kesotan tanah
- C Gelangsar tanah
- D Gelongsoran tanah

[Lihat halaman sebelah]

8. Seorang jurutera jalan raya sedang merancang langkah untuk mengurangkan risiko tanah runtuh di kawasan lebuhraya yang sering terjejas. Antara langkah berikut, yang manakah paling sesuai untuk mengurangkan kejadian tanah runtuh?
- A Meningkatkan lebar jalan dan membina terowong.
 - B Membina teres dan menanam rumput.
 - C Meningkatkan lebar jalan dan membina teres.
 - D Menanam rumput dan membina terowong.
9. Apakah indikator biologi yang menunjukkan kemerosotan kualiti air sungai?
- A Kekeruhan
 - B Mikroorganisma
 - C Oksigen terlarut
 - D Pengukuran keasidan (pH)
10. Antara berikut, yang manakah cadangan paling sesuai untuk mengekalkan kelestarian sungai di kawasan sekolah?
- A Membina lebih banyak taman tema air berhampiran sungai.
 - B Menebus guna kawasan sungai untuk projek perumahan baharu.
 - C Membina empangan besar untuk menjadikan sungai sebagai takungan utama air.
 - D Mewujudkan pasukan rondaan murid untuk memantau kebersihan sungai secara berkala.

[Lihat halaman sebelah]

11. Foto 2 menunjukkan bentuk muka bumi hakisan ombak.



Foto 2


Apakah bentuk muka bumi yang akan terbentuk apabila hakisan berterusan berlaku di kawasan bertanda X?

- A Gua
 - B Gerbang laut
 - C Batu tunggul
 - D Tunggul sisa
12. Antara berikut, langkah yang manakah boleh diambil untuk mengawal hakisan pantai?
- I Mewartakan taman laut
 - II Membina tembok konkrit
 - III Menanam pokok bakau
 - IV Mendalamkan pinggir laut
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



SULIT

13. Peta 1 menunjukkan kawasan berpenduduk jarang.



Peta 1

Mengapakah kawasan berlorek dalam peta berpenduduk jarang?

- A Iklim melampau
 - B Saliran buruk
 - C Tanah tinggi
 - D Hutan tebal
14. Apakah kesan sosial yang mungkin dialami oleh penduduk di kawasan tersebut?
- A Masalah setingan
 - B Pencemaran udara
 - C Peluang pekerjaan terhad
 - D Pasaran barangan meluas
15. Antara berikut faktor manakah menyebabkan perubahan dalam jumlah penduduk?
- I Kadar kesuburan
 - II Pencemaran alam sekitar
 - III Kesusakan di bandar
 - IV Penghijrahan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

16. Penyataan keratan akhbar berkaitan korban akibat Covid-19.

**COVID-19 – Korban di Eropah Bakal Meningkat Menjelang
Musim Luruh – WHO**

COPENHAGEN: Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) semalam memberikan amaran, kematian akibat COVID-19 di eropah akan meningkat pada musim luruh ini, susulan angka jangkitan di seluruh dunia mencatat rekod lonjakan yang membimbangkan.

Sumber: *Berita Harian*, 15 September 2020

Berdasarkan keratan akhbar di atas, apakah jenis piramid yang akan terhasil di negara-negara eropah yang terlibat.

- A Piramid stabil
 - B Piramid progresif
 - C Piramid peralihan
 - D Piramid terganggu
17. Antara berikut, yang manakah paling sesuai dijadikan cadangan oleh penduduk untuk mengurangkan pembinaan rumah setinggan di ibu kota?
- A Membina rumah berhampiran kawasan kilang.
 - B Menyediakan tapak rumah setinggan di pusat bandar.
 - C Memberikan pinjaman kepada pemaju perumahan mewah.
 - D Menyediakan rumah mampu milik untuk golongan berpendapatan rendah.
18. Sekiranya anda dilantik sebagai perancang pembangunan wilayah, cadangan manakah yang paling berkesan untuk mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan penduduk luar bandar?
- A Memodenkan sektor pertanian dengan penggunaan jentera moden.
 - B Menyelerakkan kemudahan pendidikan ke kawasan luar bandar.
 - C Menggalakkan pertumbuhan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).
 - D Membangunkan kemudahan asas seperti taman rekreasi.

[Lihat halaman sebelah]

19. Maklumat berikut menunjukkan bandar-bandar di Malaysia.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Bintulu • Kerteh |
|---|

Berdasarkan pengetahuan anda, apakah sumber asli utama yang mendorong perkembangan bandar-bandar tersebut?

- A Pusat pentadbiran
- B Tanah yang subur
- C Kegiatan perlombongan petroleum
- D Kegiatan perlombongan bijih timah

20. Maklumat berikut berkaitan dengan petempatan rancangan di Malaysia.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Ketengah • Kesedar |
|---|

Apakah aktiviti ekonomi utama yang dijalankan di kawasan petempatan tersebut?

- A Perlombongan
- B Pelancongan
- C Perikanan
- D Pertanian

Bandar Nilai semakin pesat membangun dan menarik kemasukan penduduk dari kawasan luar bandar.
--

21. Berdasarkan maklumat ini, apakah faktor ekonomi yang paling mempengaruhi peletakan petempatan di bandar tersebut?

- A Tanah pamah yang luas
- B Kepesatan kegiatan pertanian
- C Kemudahan asas yang lengkap
- D Perkembangan sektor perindustrian

[Lihat halaman sebelah]

22. Maklumat berikut merujuk kepada fungsi petempatan bandar X.


- Mengatasi masalah kesesakan petempatan di bandar utama.
- Bandar sokongan kepada bandar utama.

Bandar X ialah...

- A bandar Diraja
- B bandar satelit
- C bandar sempadan
- D bandar pentadbiran
23. Antara kombinasi berikut, yang manakah paling berkesan untuk menangani masalah pembandaran secara lestari di Malaysia?

	Masalah Pembandaran	Langkah Mengatasi
A	Banjir kilat	Membina bangunan bertingkat
B	Peningkatan suhu	Menghijaukan kawasan bandar
C	Pengangguran	Meningkatkan penggunaan teknologi
D	Kesesakan lalu lintas	Menambah lebih banyak lampu isyarat

24. Rajah 2 di bawah menunjukkan Mawar Angin Mudah.



Rajah 2

Apakah maksud angka 6 dalam Rajah 1 tersebut?

- A Bulan Jun
- B Tarikh tiupan angin
- C Bilangan hari tenang
- D Jumlah hari tiupan angin

[Lihat halaman sebelah]

25. Anda telah diminta untuk merancang strategi bagi mengurangkan kesan kemarau di sebuah kawasan yang sering mengalami kekurangan air.

Apakah kombinasi kaedah yang boleh dicadangkan untuk memastikan bekalan air mencukupi sepanjang tahun?

- I Membina empangan
- II Menunggu lori bekalan air
- III Membina terowong SMART
- IV Melakukan pembenihan awan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26. Antara berikut, yang manakah iklim bagi zon panas?

- A Iklim Steppe
- B Iklim Siberia
- C Iklim Tundra
- D Iklim Khatulistiwa

- Hutan Daun Luruh Sederhana
- Hutan Monsun Tropika

27. Apakah persamaan faktor yang menyebabkan pokok dalam hutan di atas menggugurkan daun?

- A Suhu rendah
- B Musim kering
- C Pancaran matahari kurang
- D Kesukaran mendapatkan air

[Lihat halaman sebelah]



Foto 3

28. Apakah kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi dalam Foto 3 kepada ekosistem?
- A Kawasan tadahan air
 - B Habitat terumbu karang
 - C Penapis bahan pencemar
 - D Membekalkan karbon dioksida
29. Apakah kesan penerokaan hutan terhadap alam sekitar?
- A Hakisan tanah meningkat
 - B Kejadian hujan asid
 - C Nutrien bertambah
 - D Kejadian kemarau
30. Apakah kepentingan hutan terhadap ekosistem?
- A Habitat hidupan liar
 - B Membekalkan balak
 - C Kawasan pelancongan
 - D Sumber pendapatan eksport

[Lihat halaman sebelah]

31. Bagaimanakah kerajaan melaksanakan langkah pemuliharaan hidupan liar di Malaysia?
- A Mewujudkan ladang hutan
 - B Menjalankan rawatan silvikultur
 - C Mewujudkan Pusat Rehabilitasi
 - D Menggalakkan kegiatan akuakultur
32. Bagaimanakah penguatkuasaan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) berfungsi sebagai usaha pemeliharaan alam sekitar?
- A Mewujudkan hutan simpan
 - B Memindahkan hidupan liar ke tempat baharu
 - C Mengawal pengeluaran lesen pembalakan
 - D Meramal kesan projek pembangunan ke atas alam sekitar
33. Foto 4 menunjukkan satu sumber tenaga.



Foto 4

Kesan pembangunan sumber tenaga dalam Foto 4 di atas terhadap alam sekitar ialah...

- A penipisan lapisan ozon.
- B kejadian pulau haba.
- C pelepasan gas radon.
- D keasidan tanah meningkat.

[Lihat halaman sebelah]

34. Bagaimanakah usaha yang boleh diambil untuk mengurangkan pergantungan terhadap sumber petroleum?
- A Mengurangkan eksport
 - B Mengamalkan kitar semula
 - C Mempelbagaikan penggunaan
 - D Mencari sumber tenaga alternatif
35. Apakah sumber tenaga boleh baharu yang paling sesuai digunakan di kawasan tropika dengan kadar sinaran matahari yang tinggi sepanjang tahun?
- A Tenaga angin
 - B Tenaga hidro
 - C Tenaga suria
 - D Tenaga geoterma

[Lihat halaman sebelah]

36. Foto 5 menunjukkan Empangan Tiga Gaung di China.



Foto 5

Apakah kesan pembinaan empangan tersebut terhadap ekosistem?

- I Hutan ditenggelami air
- II Kelajuan angin bertambah
- III Bekalan oksigen bertambah
- IV Kepupusan hidupan akuatik

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

37. Bagaimanakah faktor fizikal menggalakkan kegiatan pertanian di Malaysia?

- A Memberi pinjaman modal
- B Jaringan pengangkutan yang baik
- C Pembinaan sistem pengairan yang cekap
- D Kawasan tanah beralun yang bersaliran baik


[Lihat halaman sebelah]

38. Maklumat berikut berkaitan kegiatan ekonomi penduduk di Malaysia.

- Menenun songket di Terengganu
- Membuat labu sayong di Perak
- Mengecap batik di Kelantan

Mengapakah kegiatan ekonomi tersebut penting kepada pembangunan negara Malaysia?

- A Peningkatan infrastruktur
 B Kewujudan bandar baharu
 C Pemindahan teknologi moden
 D Kepesatan industri pelancongan
39. Peta 2 menunjukkan lokasi kegiatan ekonomi di Malaysia.



Peta 2

Lokasi yang sering kali mengalami hujan asid di Malaysia ialah...

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
40. Apakah kesan penggunaan racun serangga dalam aktiviti pertanian terhadap alam sekitar?
- A Menggalakkan gelongsoran tanah
 B Menyebabkan pemiskinan tanah
 C Meningkatkan keasidan tanah
 D Meningkatkan hakisan tanah